

# Warga Tumpat Melawat UniMAP



Hubungan baik yang terjalin menerusi Operasi Pasca Banjir ke Pantai Timur baru-baru ini dimanfaatkan sebaiknya oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan menerima kunjungan balas dari warga Tumpat, Keintan dalam rangka lawatan mereka selama dua hari ke universiti itu. Sepanjang Ops Pasca Banjir UniMAP ke Pantai Timur, seramai 1,870 sukarelawan terlibat dalam menjayakan tujuh fasa yang telah ditetapkan pihak universiti.

UniMAP juga turut menyumbangkan 1,423 pakaian dan keperluan sekolah kepada pelajar dari tujuh buah sekolah sekitar Tumpat. Pada lawatan tersebut seramai 90 orang Pelajar dan guru dari lima buah sekolah di Tumpat terlibat antaranya Sek. Men. Kebangsaan Kg Laut, Sek. Men. Kebangsaan Tumpat, Sek. Men. Kebangsaan Wakaf Baru, Sek. Men. Kebangsaan Genting dan Sek. Kebangsaan Pulau Beluru. Turut sama dalam lawatan tersebut adalah dua buah sekolah dari Sungai Petani iaitu Sek. Kebangsaan Tuan Syed Jan Al-Jafri dan Sek. Kebangsaan Sungai Petani serta Sekolah Seri Puteri Cyberjaya.